



IKLAN JAWATAN KOSONG PERBADANAN TAMAN NEGERI PERAK (PTNPK)

Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia dan keutamaan diberikan kepada anak kelahiran Perak yang berkeelayakan serta mempunyai komitmen yang tinggi untuk berkhidmat di Perbadanan Taman Negeri Perak bagi jawatan berikut:

PEMBANTU HIDUPAN LIAR / (GRED G1) (PEREMPUAN)

TARAF: *Contract of Service (Tanpa Waran Perjawatan)*
(1 tahun (2026) – Projek Yayasan Sime Darby)

BILANGAN: Satu (1) Kekosongan – Taman Negeri Royal Belum

GAJI (minimum – maksimum) : RM1,500.00 – RM4,680.00

*** Pemohon juga boleh diarahkan bertugas di mana-mana dalam apa juga keadaan seperti bertugas dan menetap dalam persekitaran hutan serta berjauhan dengan keluarga terdekat

RINGKASAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

Bertanggungjawab untuk melaksanakan aktiviti penguatkuasaan di Enakmen Taman Negeri Perak 2001 :

- Membantu penyelia dalam merancang, menyelaras, dan melaksanakan semua aktiviti penguatkuasaan termasuk rondaan, operasi bersama agensi lain, penyediaan laporan, pemantauan keberkesanan operasi, pengurusan kursus berkaitan serta memastikan semua anggota mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan.
- Memasang perangkat kamera untuk mengekalkan kewaspadaan dan mengumpul maklumat mengenai aktiviti haram.
- Memantau operasi lapangan dalam pengumpulan maklumat aktiviti pencerobohan dan pemburuan haram.
- Mengumpul data rondaan untuk pengkalan data SMART PATROL.

- Menyediakan laporan operasi dan laporan bulanan penguatkuasaan.
- Membantu menjalankan pemantauan dan kerja-kerja berkaitan kawalan hidupan liar.
- Membantu Ketua Jabatan dalam tugas-tugas berkaitan penguatkuasaan, pelancongan, kajian, komuniti dan pemuliharaan secara keseluruhan .(Pengurusan PerbadananTaman Negeri Perak).
- Melaksanakan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh penyelia unit.

SYARAT LANTIKAN & KELAYAKAN

a) Calon perlu mempunyai kelayakan seperti berikut:

- **Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan .**
(Gaji permulaan ialah pada gred H1 : RM 1,500.00);
- **Atau ii.** Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ilah Gred H1 : RM 1,500.00);
- **Atau iii.** Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji Permulaan ialah pada Gred H1 : RM 1,622.00);
- **iv.** Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gtrd H1 : RM 1,622.00);

b) Hendaklah memiliki **Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia** atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;

LAIN-LAIN KELAYAKAN KHAS

- Lulus Ujian Kecergasan (sekiranya ada);
- Umur tidak melebihi 28 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- Pemohon mestilah bebas dari sebarang kes jenayah / dadah juvana;
- Pemohon perlu mempunyai kemahiran berkomunikasi secara lisan / bertulis dengan baik;
- Taraf kesihatan - sihat, tidak cacat anggota badan, tidak pernah mengalami kecederaan serius seperti patah tulang / sakit jantung, tidak menghidap penyakit Lelah dan tidak mempunyai penyakit kronik;
- Mempunyai keberanian untuk mengendalikan hidupan liar;
- Mempunyai kekuatan mental dan fizikal bermalam di dalam hutan;
- Berupaya melakukan operasi-operasi penguatkuasaan;
- Mempunyai minat dan pengetahuan terhadap hidupan liar;
-

CIRI-CIRI PERIBADI DAN KUALITI PEMOHON YANG DIPERLUKAN:

- Proaktif dan berinisiatif tinggi.
- Mampu bekerja secara berdikari dan dalam pasukan.
- Mempunyai integriti dan etika kerja yang tinggi.
- Bertanggungjawab, amanah, jujur, berdisiplin dan kerjasama;
- Menjaga kerahsiaan dan profesionalisme;
- Bersifat positif dan sentiasa berusaha;
- Ketahanan fizikal dan mental untuk tugas di lapangan;

CARA MEMOHON:

- Pemohon-pemohon hendaklah membuat permohonan melalui laman sesawang <https://digital.perak.my/perjawatan>
- Hanya permohonan yang dikemukakan dalam tempoh iklan sahaja akan diproses.
- Sebarang keterangan lanjut boleh dirujuk kepada:
Unit Pengurusan Sumber Manusia
Perbadanan Taman Negeri Perak
No. 28, 28A & 28B, Jalan Lang Indah A/1
Pusat Perniagaan Lang Indah
30010 Ipoh, Perak Darul Ridzuan

TARIKH TUTUP : 19 SEPTEMBER 2025 (JUMAAT) JAM 11.59 MALAM

